



Pelajar UMP sertai khidmat komuniti esok

KUANTAN: Universiti Malaysia Pahang (UMP) akan menganjurkan program Khidmat Komuniti Rakan Siswa pada Sabtu ini, bagi membersihkan kawasan Tanah Perkuburan Islam Batu 8, kawasan masjid dan Tanah Perkuburan Islam Pandan 2 serta perkampungan, masjid dan Tanah Perkuburan Islam Jaya Gading.

Pegawai Perhubungan Awam dan Media UMP, Nadzariah Mohamed, berkata seramai 400 pelajar tahun pertama akan terbabit dalam program yang diadakan bermula jam 7 pagi itu.

Beliau berkata, pelaksanaan projek itu turut mendapat bantuan ahli Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) kawasan terbabit.

"Projek ini diadakan bertujuan memberi peluang dan pendedahan kepada pelajar melakukan kerja kemasyarakatan menerusi program gotong-royong sambil mendekatkan diri mereka dengan masyarakat setempat di kawasan sekitar.

"Kita juga meminta kerjasama penduduk di kawasan berkenaan supaya tampil menyokong dan menjayakan projek ini," katanya di sini, semalam.